

# Taubat dan Kesannya terhadap Hukuman Jenayah di dalam Islam

Dr. Nik Rahim bin Nik Wajis

## *Abstract*

*The article discusses tawbah (repentance) and its effect on sentences in cases charged under the Islamic Criminal Law. Theoretically, only criminal acts categorised as hirabah can be exempted from hudud on the condition that the offender makes a repentence before being arrested because the crime involves the right of Allah. In the discussion, verses from al-Qur'an and al-Hadith are analysed and references to the opinion of prominent ulamas are also made.*

Taubat berasal daripada perkataan Arab “taba” yang membawa maksud kembali daripada melakukan dosa.<sup>1</sup> Taubat juga didefinisikan sebagai “al-ruju” atau kembali dari perbuatan-perbuatan yang keji.<sup>2</sup> Di dalam Islam, taubat<sup>3</sup> dikira sebagai salah satu dari cabang-cabang amal soleh. Banyak ayat-ayat al-Qur'an dan juga hadith-hadith yang menyeru para mu'minin amnya dan mereka yang melakukan dosa khasnya agar kembali ke jalan Allah dan meminta ampun serta bertaubat di atas segala ketelanjuran dan juga dosa. Di dalam al-Qur'an Allah berfirman, bermaksud:

*“Dan bertaubatlah kamu kepada Allah wahai sekalian orang-orang yang beriman mogamoga kamu beroleh kejayaan”<sup>4</sup>*

Di dalam ayat yang lain Allah berfirman yang maksudnya:

*“Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan orang-orang yang mensucikan diri”<sup>5</sup>*

Di dalam sebuah hadith, Rasulullah bersabda, bermaksud:

*"Wahai manusia, bertaubatlah kamu kepada Allah dan mintalah keampunan kepadanya kerana sesungguhnya aku bertaubat sebanyak seratus kali pada setiap hari"*

Jika dilihat kepada kedua-dua ayat al-Qur'an dan juga hadith di atas, jelaslah kepada kita bahawa taubat adalah satu amalan yang dituntut di dalam Islam. Pintu taubat sentiasa terbuka kepada setiap hamba yang insaf dan sedar akan segala dosa dan noda yang dilakukan. Allah s.w.t telah menjanjikan di dalam al-Qur'an untuk mengampuni segala dosa hambanya kecuali mereka yang menyengutkan-Nya. Allah Ta'ala berfirman bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah tidak mengampuni mereka yang menyengutu-Kannya akan tetapi mengampuni sesiapa sahaja yang melakukan dosa-dosa selain dari syirik"*<sup>7</sup>

Ayat ini dengan jelas menerangkan kepada kita bahawa sesiapa yang bertaubat dari satu dosa dan juga kesalahan, maka mereka diberi keampunan oleh Allah Ta'ala dan mereka dengan ini terlepas dari azab Allah di hari akhirat nanti.

Namun persoalannya sekarang apakah apabila seseorang itu bertaubat, maka gugurlah segala dosanya dan mereka tidak lagi perlu dihukum di atas dunia ini? Apakah apabila seseorang yang berzina, meminum arak, merompak dan membunuh apabila mereka bertaubat maka mereka akan terlepas dari hukuman hudud dan qisas seperti yang termaktub di dalam undang-undang Islam?

Jika dilihat kepada undang-undang jenayah Islam khususnya hudud, kita dapati bahawa hanya satu sahaja dari cabang-cabang hudud yang terdiri dari tujuh bahagian yang secara langsung menyebut mengenai taubat iaitu *hirabah* atau juga dikenali sebagai *qutta' al-tariq* atau *sariqah kubra*. Manakala lain-lain jenayah hudud seperti *sariqah* (mencuri), *syurb al-khamr* (meminum arak), *zina*, *baghy* (menderhaka), *qadhf* (tuduhan berzina) dan *murtad*, tidak ada nas yang jelas samada dari al-Qur'an ataupun sunnah yang menyebut tentang taubat serta kesannya terhadap hukuman bagi penjenayah.

Jadi tidak hairanlah kenapa para ulama' berselisih pendapat mengenai kesan taubat di dalam jenayah-jenayah tersebut. Walau bagaimanapun, para ulama rata-rata bersetuju bahawa di dalam kes *hirabah*, taubat mereka yang terlibat di dalam jenayah ini akan mengugurkan hukuman *hadd* yang sepatutnya dikenakan ke atas mereka.<sup>8</sup> Ini adalah sebagai tanda bahawa Syari'at Islam masih lagi memberi peluang kepada mereka yang terbabit untuk kembali ke pangkal jalan.<sup>9</sup> Berhubung dengan hukuman bagi jenayah *hirabah*, Allah berfirman, bermaksud:

*"Sesungguhnya balasan bagi mereka yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta menyebarkan kerosakan (fasad) di atas muka bumi ialah dibunuh, atau disalib, atau dipotong tangan dan kakinya secara bersilang ataupun dibuang daerah"*<sup>10</sup>

Di dalam ayat di atas, siapakah golongan penjenayah *hirabah* atau *muhibib* tidak

diterangkan dengan jelas. Yang jelas golongan ini dianggap sebagai mereka yang memerangi Allah dan juga Rasul-Nya. Golongan ini juga adalah mereka yang menyebarkan kerosakan ataupun fasad di atas muka bumi dengan jenayah mereka. Untuk mengenali mereka yang dikategorikan kepada muharibin, maka perlu melihat kepada *asbab al-nuzul* ataupun sebab turunnya ayat *hirabah* di atas.

Para ulama tidak sekata di dalam menyatakan sebab turunnya ayat ini. Ada di antara ulama yang berpendapat bahawa ayat ini diturunkan kepada golongan murtad<sup>11</sup> dan ada juga yang mengatakan bahawa ayat *hirabah* ini diturunkan kepada golongan Yahudi *ahl al-Kitab*<sup>12</sup> yang melanggar perjanjian dengan Rasulullah. Pendapat yang lain pula menyatakan bahawa ayat ini diturunkan kepada kaum Musyrikin<sup>13</sup> dan yang akhirnya berpandangan bahawa ayat ini ditujukan kepada ahli negara Islam dari kaum muslimin yang melakukan fasad atau kerosakan.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun pendapat yang ketiga dikira lebih sahih dan tepat kerana dikuatkan dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik (r.'a) bahawa:

“Beberapa orang dari kaum ‘Uraina datang kepada Nabi Muhammad (s.’a.w). di Madinah. Mereka mendapati cuaca di Madinah tidak bersesuaian dengan mereka dan menyebabkan mereka jatuh sakit. Nabi (s.a.w) lalu berkata kepada mereka: “Pergilah kamu minum susu dan air kencing unta sedekah”. Mereka melakukan apa yang disuruh oleh baginda dan akhirnya sembuh dari penyakit mereka. Setelah itu lalu mereka membunuh si pengembala unta dan mencuri unta sedekah tersebut dan menjadi murtad. Setelah berita ini sampai kepada Rasulullah, Baginda telah menghantar beberapa orang sahabat untuk mencari mereka dan akhirnya mereka dapat ditangkap dan diserahkan kepada Rasulullah. Rasulullah telah menghukum mereka dengan memotong tangan dan kaki mereka secara bersilang”

Jika berpandukan kepada hadith di atas, jenayah yang dimaksudkan di dalam ayat *hirabah* adalah jenayah rompakan bersenjata seperti yang jelas dipaparkan oleh hadith tersebut. Jadi jika mereka yang terlibat dengan jenayah seperti ini, hukuman *hadd* seperti yang dinyatakan sebelum ini akan digugurkan apabila tertuduh bertaubat dan menyesali perbuatannya. Namun seperti yang jelas disebutkan di dalam al-Qur'an, taubat tersebut mestilah dibuat sebelum tertuduh ditangkap oleh pihak berkuasa. Berhubung dengan perkara ini Allah berfirman:

“Kecuali mereka yang bertaubat sebelum mereka ditangkap”

Sebab utama yang mengugurkan hukuman *hadd* ke atas tertuduh bagi jenayah ini adalah kerana jenayah ini dikira sebagai jenayah yang melibatkan hak Allah<sup>15</sup> yang mana ianya hendaklah digugurkan apabila tertuduh bertaubat dari jenayah tersebut. Walaubagaimanapun, perlu diingat bahawa penguguran hukuman di sini adalah terhad kepada hak-hak yang melibatkan hak Allah. Hak-hak yang bersangkutan dengan manusia atau *haq al-adami* walaubagaimanapun tetap tidak berubah.

Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang hak Allah dan hak manusia di dalam kes jenayah ini, maka contoh yang boleh dibuat adalah seperti berikut. Jika A merompak si B dan kemudian membunuhnya, tetapi sebelum A ditangkap, beliau

terlebih dahulu bertaubat maka si A akan terlepas dari semua hukuman *hadd* yang tercatat di dalam al-Qur'an seperti hukuman bunuh mandatori, potong tangan dan kaki secara bersilang, salib dan juga buang daerah. Ini kerana dengan bertaubat, hukuman-hukuman tersebut tergugur dengan sendirinya. Berhubung dengan perkara ini al-Sarkhasi di dalam kitabnya *al-Masbut* ada menyebutkan bahawa sekiranya seseorang penjenayah *hirabah* itu terlibat dengan pembunuhan (*homicide*), Imam hendaklah menyerahkan yang tertuduh kepada wali si mangsa. Beliau juga berpendapat bahawa wali mempunyai hak samada untuk menerima diyat ataupun meminta qisas dijalankan ke atas penjenayah tersebut.<sup>18</sup> Menurut al-Mawardi, hak manusia tetap kekal dan tidak berubah disebabkan harta yang dirompak kepada tuan empunya atau menggantikan nilainya jika barang tersebut telah digunakan atau binasa. Nasib si A juga bergantung kepada budi bicara waris si mangsa. Jika si waris meminta agar si dibunuh maka, si A perlulah dibunuh. Jika waris memilih untuk mengambil ganti rugi atau diyat, maka si A perlulah menunaikannya.

Dua pembunuhan di dalam dua keadaan ini adalah berbeda. Pembunuhan di dalam *hadd* bagi *hirabah* adalah mandatori, manakala pembunuhan di dalam kes kedua adalah qisas yang mana para pewaris berhak samada untuk menjalankan qisas ke atas penjenayah tersebut atau mengampunkannya. Di dalam hal ini, keadaannya tidak berbeda dengan kes-kes qisas yang lain.

Ada beberapa sebab kenapa hanya hak Allah sahaja yang gugur apabila seseorang penjenayah itu bertaubat:

1. Di dalam al-Qur'an hanya empat hukuman yang disediakan bagi penjenayah *hirabah* iaitu hukum bunuh, salib, potong tangan dan kaki secara bersilang dan buang daerah. Jadi apabila seorang penjenayah itu bertaubat maka hanya hukuman-hukuman ini sahaja yang perlu digugurkan manakala hukuman-hukuman yang tidak termaktub di dalam al-Qur'an perlulah dikekalkan.
2. Apabila pesalah bertaubat dari jenayah *hirabah*, maka pesalah tersebut dikira tidak lagi berdosa. Kedaaan ini sama sahaja dengan mereka yang melakukan pembunuhan secara tidak sengaja. Di dalam kedua-dua kes ini, penjenayah-penjenayah tersebut akan terlepas dari azab Allah di hari akhirat kerana mereka telahpun insaf dan bertaubat. Namun di dalam kes pembunuhan tidak sengaja atau *qatl al-khata'* si pembunuh tetap juga dikenakan bayaran diyat kerana perbuatannya yang tidak sengaja itu. Bayaran ini bukan sebagai hukuman bahkan ianya lebih kepada bayaran ganti rugi bagi keluarga si mangsa yang kehilangan orang yang disayangi yang juga mungkin sebagai keluarga dan kepala rumah tangga.
3. Menggugurkan semua hukuman dari mereka yang terlibat dengan jenayah *hirabah* hanya kerana mereka bertaubat mungkin akan menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan para waris si mangsa. Meninggalkan si pembunuh tanpa sebarang hukuman sememangnya agak sukar bagi mereka untuk menerimanya. Rasa ketidakpuasan hati ini mungkin akan menimbulkan rasa dendam terhadap si penjenayah dan juga ahli keluarganya dan tidak mungkin akan membawa kepada berlakunya pertumpahan darah di kalangan mereka yang tidak bersalah.

Dengan itu jelaslah bahawa apabila seseorang itu bertaubat dari jenayah yang dilakukan, dia tetap dikenakan hukuman yang berkaitan dengan orang ramai. Manakala perkara-perkara yang berkaitan dengan hak Allah, maka ianya tergugur dengan sendirinya dengan taubat tersebut.

Adapun di dalam jenayah-jenayah lain seperti zina, minum arak serta mencuri, para ulama mempunyai pendapat yang berbeda-beda. Menurut pandangan Mazhab Syafi'i dan juga Hanbali, taubat tidak akan menggugurkan hukuman *hadd* ke atas mereka. Pada pandangan mereka, jenayah-jenayah tersebut tidak boleh diciqaskan kepada jenayah *hirabah* yang terang-terang dijelaskan oleh al-Qur'an. Ini kerana jenayah *hirabah* adalah satu jenayah yang jauh berbeda dengan jenayah-jenayah seperti zina, minum arak dan juga mencuri. Jenayah *hirabah* melibatkan keganasan serta mengganggu keamanan dan kestabilan negara dan ianya dilakukan secara terang-terangan. Jadi apabila penjenayah *hirabah* ini berta ubat, maka keamanan dan kestabilan masyarakat akan kembali seperti sediakala.<sup>20</sup> Pengguguran hukuman had ke atas mereka yang terlibat dengan jenayah ini juga mungkin boleh dikira sebagai satu galakan kepada mereka agar kembali ke pangkal jalan dan tidak berterusan di dalam melakukan kerosakan di dalam masyarakat.

Jenayah *hirabah* juga tidak boleh diciqaskan kepada jenayah-jenayah lain kerana ianya dikira qiyas ma'al fariq atau qiyas dua perkara yang berbeda. Dalam arti kata lain, mereka yang menyamakan jenayah *hirabah* dengan jenayah-jenayah lain samalah seperti mereka yang menyamakan antara Amru bin Darma' dengan Darma' yang bererti arnab.<sup>21</sup>

Di dalam kes zina, kisah Ma'iz dan al-Ghamidiyyah adalah contoh terbaik bagi menunjukkan bahawa taubat di dalam jenayah selain *hirabah* tidak boleh menggugurkan hukuman *hadd*. Kedua mereka yang di atas datang kepada Nabi (s.'a.w) dengan penuh keinsafan dan bertaubat di atas kesalahan mereka melakukan zina. Mereka meminta kepada Nabi (s.'a.w) agar mereka dihukum dengan hukuman *hadd* supaya mereka tidak lagi dihukum di akhirat nanti. Jadi jika sekiranya taubat mereka boleh menggugurkan *hadd*, maka sudah tentu kedua-dua mereka tidak akan dijatuhkan *hadd* oleh Rasulullah (s.'a.w).

Ibn Hazm al-Zahiri walau bagaimanapun berpendapat bahawa jika sekiranya hukuman *hadd* digugurkan daripada penjenayah *hirabah* apabila mereka bertaubat, maka hukuman terhadap jenayah-jenayah yang lain seperti zina, mencuri, menuduh berzina, minum arak dan sebagainya juga perlu digugurkan apabila seseorang itu bertaubat sebelum ditangkap oleh pihak berkuasa. Ini kerana kesemua jenayah-jenayah tersebut termasuk di dalam kategori hudud.<sup>22</sup> Pendapat ini walau bagaimanapun tidak dapat diterima kerana tidak ada nas dari al-Qur'an yang mengharuskan pengguguran hukuman *hadd* selain daripada *hirabah*. Jika dilihat kepada kes zina, kita dapati bahawa Nabi (s.'a.w) tetap menjalankan hukuman hudud ke atas Ma'iz dan al-Ghamidiyyah meskipun mereka telahpun bertaubat. Dengan itu jelaslah bahawa di dalam kes zina, taubat seseorang itu tidak memberikan apa-apa kes kepada hukuman *hadd* ke atas mereka. Mereka akan tetap dikenakan hukuman *hadd* jika didapati bersalah, walaupun mereka telahpun bertaubat dari kesalahan yang mereka lakukan.

Manakala di dalam jenayah tuduhan berzina pula, para ulama telah bersepakat

bahawa taubat tidak akan menggugurkan hukuman *hadd* ke atas penjenayah. Ini kerana jenayah ini berhubung dengan hak manusia dan berkaitan dengan maruah dan kemuliaan mereka. Tuduhan berzina boleh mengakibatkan berlakunya fitnah yang besar terhadap orang-orang mukmin dan apa-apa jenayah yang berkaitan dengan kemuliaan serta maruah seseorang hamba, maka taubat tidak akan menggugurkan hukuman bagi pesalah kecuali jika sekiranya mangsa itu memaafkan-nya.

Sebagai kesimpulannya boleh dikatakan bahawa taubat sememangnya dapat menggugurkan balasan serta hukuman di akhirat nanti dari seseorang penjenayah dengan syarat mereka benar-benar bertaubat dan tidak lagi mengulangi jenayah tersebut. Namun kesan taubat adalah terhad kepada hak Allah semata-mata. Manakala hak-hak yang berkaitan dengan anak Adam, maka ianya tidak akan mem beri apa-apa kesan kepada penjenayah dengan bertaubat kecuali apabila si mangsa memaafkan si penjenayah tersebut. Suatu lagi perkara yang penting ialah bahawa hanya di dalam kes *hirabah*, taubat akan menggugurkan hukuman *hadd* ke atas penjenayah, manakala di dalam jenayah-jenayah lain, taubat tidak memberi apa-apa kesan kepada penjenayah bahkan mereka tetap akan dihukum dengan hukuman *hadd* apabila segala bukti menunjukkan bahawa yang tertuduh sememangnya bersalah melakukan jenayah tersebut.

#### NOTA HUJUNG

1. Wehr, Hans, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, Maktabah Lebanon, Beirut, 1980, h. 98.
2. Ibn Al-Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar Lisan Al-Arab, Beirut, juz. 1 h. 336.
3. Taubat yang diterima oleh Allah ialah *tawbah al-nasuha* yang melengkapi syarat-syarat yang ditetapkan seperti menyesali segala kesalahan, berazam tidak akan mengulangi perbuatan yang sama dan disamping itu hak-hak orang ramai mestilah dikembalikan. Seseorang yang bertaubat mestilah melahirkan taubat tersebut melalui amalan-amalan ibadat serta menunjukkan sifat-sifat yang baik dan mulia. Lihat Nik Rahim Nik Wajis, "The Crime of Hiraba in Islamic Law", Glasgow 1996, hh. 96-97. Menurut Saidina Omar bin al-Khattab, *tawbah al-nasuha* ialah taubah dari dosa dan tidak kembali mengerjakannya sama seperti susu yang tidak mungkin kembali ke dalam kantongnya. Lihat *Madarij al-Salikin*, *Wizarat al-Adl*, United Arab Emirate, 1991, j. 1, h. 309.
4. Al-Qur'an, *al-Nur* : 31.
5. Al-Qur'an, *al-Baqarah* : 222.
6. Hadith riwayat Muslim.
7. *Al-Nisa'*: 116.

8. Al-Fakhr al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut, juz. ii, h. 218.
9. Jaffar, Ali Daud Muhammad., *al-Tawbah wa Atharuha fi Isqat al-Hudud fi al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Nahdah al-Arabiyyah Beirut, 1989, h. 177.
10. *Al-Mai'dah* : 33.
11. *Al-Mughni*, Matba'ah al-Imam, Kaherah, 1964, juz. 7, h. 302.
12. *Tafsir al-Tabari*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1398h, h. 119.
13. Pendapat ini dipegang oleh Ikrimah dan Hassan Al-Basri. Lihat *Tafsir al-Tabari*, h. 119.
14. Ini adalah pandangan Imam Malik, al-Syafi'i dan Abu al-Thaur. Lihat *al-Mughni*, juz. 7, h. 302.
15. Lihat Muslim, Terjemahan oleh 'Abdul Hamid Siddiqi, juz. iii, Cashmere Bazaar, Lahore, Pakistan, h. 893.
16. *Al-Mai'dah*: 34.
17. Jaffar, Ali Daud Muhammad, *al-Tawbah*, Dar al-Nahda al-Arabiyyah, Beirut, 1989, h. 178.
18. Al-Sarkhasi, Syams al-Din, *Kitab al-Mabsut*, Dar al-Ma'rifa, Beirut, 1993 hh. 198-200.
19. Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, al-Tawfiqiyyah Library, Kaherah, 1978, h. 64.
20. Jaffar, *op.cit* ., h. 184.
21. *Ibid.*
22. Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1981, j. 11, hh. 126-131.